

## **Peminjaman Perkataan Sanskrit dalam Bahasa Melayu: Penelitian dari Sudut Makna**

*Mohamad NorTaufiq Nor Hashim<sup>a</sup>*  
[nortaufiqhashim@gmail.com](mailto:nortaufiqhashim@gmail.com)  
*School of Foreign Language,  
Yunnan University, China*

*Aniswal Abd Ghani*  
[alnisegh@gmail.com](mailto:alnisegh@gmail.com)  
*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia, Malaysia*

### **ABSTRAK**

Kajian ini meneliti sejumlah perkataan pinjaman Sanskrit terpilih dalam bahasa Melayu yang berfokus pada aspek makna. Penelitian pada makna dalam kajian ini merangkumi dua jenis perubahan, iaitu penyempitan dan peluasan makna. Pendekatan etimologi yang telah digagaskan oleh Collins (2003) diaplikasikan dalam kajian ini. Data kajian diperoleh daripada kamus yang dihasilkan oleh Winstedt (1959) yang bertajuk *An Unabridged Malay-English Dictionary*. Sebanyak 605 kosa kata Sanskrit yang telah dikenal pasti wujud dalam bahasa Melayu. Namun, kajian ini akan menganalisis tujuh data perkataan terpilih sahaja. Penentuan data yang merangkumi aspek agama dan kepercayaan adalah dibuat berdasarkan penilaian ke atas makna yang tercatat dalam kamus. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa peminjaman perkataan daripada bahasa Sanskrit telah menyebabkan berlakunya penyempitan dan peluasan makna. Penyempitan dan peluasan makna pada beberapa perkataan terpilih terjadi setelah berlakunya perubahan kepercayaan masyarakat Melayu, iaitu daripada Hindu-Buddha kepada Islam. Hasil penelitian, penyebaran agama Islam bukan sahaja menyumbang kepada penambahan kosa kata Arab dalam bahasa Melayu tetapi turut mempengaruhi makna perkataan pinjaman Sanskrit disebabkan berlakunya percanggahan dari sudut nilai kepercayaan dan ajaran antara Islam dan Hindu-Buddha.

**Kata kunci:** Kata pinjaman; makna; bahasa Sanskrit; bahasa Melayu; agama dan kepercayaan

## **The Borrowing of Sanskrit Words in the Malay Language: Research from the Perspective of Meaning**

### **ABSTRACT**

This study investigate a number of selected Sanskrit loanwords in the Malay language that focus on the aspect of meaning. Research into meaning includes two types of changes, namely narrowing and expanding meaning. The etymology approach that have been devised by Collins (2003) is applied in this study. Study data were obtained through a dictionary compiled by Winstedt (1959) entitled *An Unabridged Malay-English Dictionary*. A total of 605 known Sanskrit vocabulary certainly existed in the Malay language. However, this study will analyze only seven selected word. The determination of data includes aspects of religion and belief based on an assessment of

---

<sup>a</sup> *Penulis utama & koresponden*

the meaning recorded in the dictionary. The analysis of this study shows that the borrowing of words from the Sanskrit language has caused the narrowing and expansion of meaning. Narrowing and expansion of meaning some words occurs when there is a change in the religious aspects and beliefs of the Malay community, that is from Hindu-Buddhist to Islam. Based on research, the spread of Islam not only contributed to the increase of Arabic vocabulary in Malay language, but also influenced the meaning of words due to the occurrence of contradictions from the point of view of belief values and teachings between Islam and Hindu-Buddhism.

**Keywords:** Loanwords; meaning; Sanskrit language; Malay language; religion and belief

## PENGENALAN

Bahasa Sanskrit terkenal di Utara India dan merupakan antara bahasa tertua di dunia (Deshpande, 2007). Sebelum bahasa Sanskrit, bahasa Tamil yang tergolong dalam rumpun Dravidian merupakan bahasa yang terawal bertapak di Alam Melayu. Walau bagaimanapun, bahasa Tamil tidak terlalu menonjol seperti bahasa Sanskrit disebabkan oleh kedudukan bahasa Tamil yang lebih rendah statusnya berbanding bahasa Sanskrit (Noriah & Selvarani, 2015). Di India, bahasa Sanskrit dituturkan oleh golongan bangsawan dan cendekiawan dan bahasa ini juga tidak mudah dikuasai oleh masyarakat umum (Ismail, 1992). Kitab ajaran Hindu seperti Veda, Upaniṣad, Purāna, Darśana, Dharmasāstra dan kitab sastera lain juga menggunakan bahasa Sanskrit (Surada, 2007). Jika dilihat dari sudut penggunaannya, hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Sanskrit memiliki status yang tinggi pada suatu ketika dahulu. Bahasa Sanskrit berada dalam rumpun bahasa Indo-Eropah dan berada dalam sub keluarga bahasa Indo-Aryan. Terdapat beberapa bahasa lain yang berada dalam keluarga bahasa Indo-Aryan seperti bahasa Hindi, Bengali, Punjabi, Sanskrit, Marathi, Gujarat, Nepal, Sinhala dan lain-lain (McMahon, 1994; Johnson, 1998).

Walaupun bahasa Melayu dan Sanskrit tidak berada dalam keluarga bahasa yang sama tetapi dalam perbendaharaan Melayu terdapat banyak perkataan Sanskrit. Kewujudan kosa kata Sanskrit ini terhasil menerusi proses peminjaman kata. Lebih tepat jika dikatakan peminjaman perkataan Sanskrit dalam bahasa Melayu terjadi menerusi proses pertembungan bahasa. Pengkajian berkaitan pertembungan bahasa secara tidak langsung dapat menjelaskan asal usul atau etimologi sesebuah perkataan. Menurut Heah (1989), pertembungan bahasa merupakan suatu proses pengambilan elemen daripada satu bahasa dan digunakan dalam 'konteks' yang lain. Weinreich (1979) menyatakan bahawa pertembungan bahasa juga dianggap oleh beberapa antropologi sebagai salah satu aspek hubungan budaya. Bagi Muhammad Firdaus & Sharifah (2021), pertembungan bahasa lebih mudah berlaku dalam kelompok masyarakat yang bersifat minoriti. Walau bagaimanapun berbeza dengan pertembungan yang berlaku antara dua masyarakat yang berbeza bahasa iaitu Melayu dan India kerana majoritinya adalah bangsa Melayu tetapi disebabkan faktor tertentu maka peminjaman kata telah terjadi.

Pertembungan antara bahasa Melayu dengan Sanskrit telah berlaku sejak abad ke-7 Masihi lagi (Zaharani et al., 2011), iaitu ketika Alam Melayu di bawah pemerintahan kerajaan Sriwijaya. Pengaruh India ini secara amnya bermula dari abad ke-7 hingga abad ke-13 (Noriah, 1999). Nik Hassan Shuhaimi (1984) menyatakan bahawa pengaruh agama Buddha telah bermula sejak abad ke-6 hingga pertengahan abad ke-11 Masihi, manakala penyebaran agama Hindu dapat dibuat pentarikannya bermula pada abad ke-10 atau ke-11 Masihi hingga abad ke-14 Masihi. Menurut Ismail (1992), sebelum datangnya agama Islam, masyarakat di Alam Melayu menerima pengaruh yang kuat daripada agama Hindu dan Buddha yang telah dibawa oleh ahli-ahli pelayaran dan

perniagaan. Maka dapat disimpulkan bahawa penyebaran agama dan perdagangan yang berlaku ketika dahulu merupakan penyumbang kepada peresapan kosa kata Sanskrit ke dalam perbendaharaan Melayu.

Tidak dinafikan bahawa peminjaman kata Sanskrit sudah terhenti pada hari ini, namun penciptaan istilah lazim bahasa Melayu semenjak 1978 masih lagi menggunakan akar bahasa Sanskrit seperti kata *swafoto* = ‘swa’ [bahasa Sanskrit] + ‘foto’ [bahasa Inggeris] (Taufiq & Aniswal, 2022). Gabungan dua bentuk kata daripada rumpun Indo-Eropah ini sekali gus membentuk makna yang baharu dalam bahasa Melayu serta masih ada kata Sanskrit dan perkataan pinjaman daripada rumpun bahasa lain yang terbentuk menerusi penggabungan kata. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu pada makna perkataan Sanskrit terpilih yang berhubungan dengan aspek agama dan kepercayaan masyarakat.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian makna yang berkaitan dengan kata pinjaman telah dilakukan oleh beberapa pengkaji tempatan seperti Nor Hashimah et al. (2012), Anida & Nor Hashimah (2015), Nor Hashimah dan Rozaimah (2008) dan Mohd Hazri et al. (2017). Kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah et al. (2012) tertumpu pada kata *alim* merupakan kata yang dipinjam daripada bahasa Arab. Menurut Nor Hashimah et al. (2012), *alim* mengalami peluasan makna kerana makna kata itu berbeza dengan maklumat makna dalam kamus ekoran daripada penggunaannya mengikut konteks dan sosiobudaya Melayu. Menerusi data korpus, Nor Hashimah et al. (2012) mendapati kata *alim* tidak hanya merujuk kepada orang yang arif ilmu agama tetapi juga mewujudkan makna pinggir lain, antaranya merujuk kepada gelaran atau darjat. Penelitian kepada aspek kata pinjaman daripada bahasa Arab berdasarkan karya klasik turut dikaji oleh Nor Hashimah dan Rozaimah (2008). Walaupun kajian tersebut tidak menyatakan perihal kata pinjaman, namun bentuk dan makna kata *rasuah* yang memiliki kemiripan dengan bahasa Arab رشوة atau al-risywah menjadi bukti bahawa kata tersebut merupakan kata pinjaman. Kajian tersebut meneliti kepada skema imej yang terbina daripada data rasuah dan mendapati peluasan makna terhasil daripada domain-domain yang terbentuk seperti domain utama, pinggir dan sub-pinggir.

Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Anida dan Nor Hashimah (2015) yang meneliti kata *wakaf* menggunakan pendekatan semantik kognitif sebagai landasan kajian. Hasil kajian mendapati kata *wakaf* yang dipinjam daripada bahasa Arab telah mengalami peluasan makna, iaitu telah mewujudkan makna pinggir yang lain seperti berhenti seketika. Seterusnya, pengkajian dari sudut makna perkataan pinjaman Arab dalam puisi dapat diteliti menerusi kajian Mohd Hazri et al. (2017). Terdapat dua kategori penggunaan bahasa pinjaman Arab dalam teks puisi yang dikenal pasti, iaitu kategori penggunaan yang menepati makna asal dalam bahasa Arab dan kategori penggunaan yang tersasar daripada maksud asalnya. Mohd Hazri et al. (2017) menyatakan bahawa *nawaitu* yang dikatakan sebuah kata pinjaman daripada bahasa Arab tidak tepat dari sudut semantik apabila digunakan dalam bait puisi ‘bacalah dengan nawaitu ilmu’. Walau bagaimanapun, pengkaji berpandangan tahap kognitif yang tinggi diperlukan ketika menganalisis setiap bait puisi kerana setiap baris puisi memiliki makna yang tersurat dan tersirat disebabkan itu data *nawaitu* seharusnya dinilai semula.

Penelitian kepada aspek kata pinjaman Sanskrit dalam bahasa Melayu turut dikaji oleh Taufiq dan Aniswal (2022a). Namun kajian yang dilakukan oleh mereka tertumpu kepada aspek etimologi tanpa mengkategorikan sesebuah makna perkataan sama ada telah berlaku peluasan atau penyempitan makna serta tidak mengaitkan perubahan yang berlaku dengan aspek agama dan

kepercayaan. Bagi mengenal pasti dan membuktikan bahawa sesebuah kata itu merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit, maka penelian terhadap makna dan bentuk dibuat. Kata *sasa* yang dikatakan sebagai sebuah kata pinjaman Sanskrit dibuktikan menerusi catatan para pengkaji bahasa. Penelitian secara perbandingan ke atas bentuk dan makna kata ini akan dilakukan dalam kajian ini. Di samping itu, Taufiq dan Aniswal (2022b) juga turut mengkaji berkaitan perubahan makna perkataan. Taufiq dan Aniswal (2022b) juga menyatakan bahawa tidak akan berlaku perubahan makna secara total dalam sesebuah kata yang dipinjam daripada bahasa lain seperti yang dikatakan oleh Nathesan (2015) berkaitan kata *bandartetapi* perubahan makna yang berlaku boleh terjadi secara menyeluruh sekiranya makna yang terbentuk merupakan makna kiasan.

Soo Yew Phong (2015) telah mengkaji berkaitan kata pinjaman dan beliau berpandangan bahawa terdapat perkataan pinjaman daripada bahasa Cina dalam bahasa Melayu yang mengalami perubahan makna secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, beliau turut menyatakan bahawa makna yang berubah itu masih memiliki perhubungan dengan makna asal, seperti kata *banci* atau *bǎnji* dalam bahasa Cina merujuk kepada sekeping kertas atau papan yang mencatatkan maklumat peribadi seseorang atau ahli keluarganya sejak zaman dahulu di negara Cina. Makna perkataan ini didapati telah berubah setelah dipinjam ke dalam bahasa Melayu menjadi makna ‘perhitungan untuk bilangan penduduk, lalu lintas dan lain-lain’. Walaupun Soon Yew Phong (2015) cenderung mengkategorikan kata *banci* sebagai kata yang telah mengalami perubahan makna, namun pengkaji berpandangan kata *banci* sewajarnya dikategorikan sebagai pengejalan makna atau sebagai peluasan makna. Hal ini kerana fokus atau aktiviti bancian yang dilakukan di Malaysia bukan hanya tertumpu dalam kalangan keluarga sahaja, malah merangkumi penduduk setempat yang jumlahnya lebih besar.

Perubahan bentuk kata Sanskrit turut dikaji oleh Zaharani et al. (2011) seperti *vicara* dan *vinasa* (bahasa Sanskrit) menjadi *bicara* dan *binasa* (bahasa Melayu), yakni berlaku perubahan daripada geseran bibir-gigi /v/ menjadi bunyi letupan /b/. Selain itu, peminjaman perkataan daripada keluarga bahasa Indo-Eropah sudah tentu memperlihatkan akan kemiripan antara kata seperti kata *raja* dalam bahasa Sanskrit mempunyai bentuk ejaan yang hampir sama dengan bahasa Latin *rajem* (Mohd Nor Azan & Mohd Yusof, 2017). Kajian Kuizon (1964) tertumpu pada beberapa kata Sanskrit, antaranya ialah kata *puteri*, *mentera*, *mutia* (*mutiara*) dan lain-lain. Menurut Kuizon (1964), *puteri* dalam bahasa Melayu dipinjam daripada bahasa Sanskrit, iaitu *putri* yang bermaksud anak perempuan. Kata *puteri* telah mengalami peluasan makna setelah masuk ke dalam bahasa Melayu yang bermaksud ‘anak perempuan kepada raja dan juga merujuk kepada anak perempuan (untuk menghormati)’.

Selain itu, pengkajian berkaitan kosa kata Sanskrit turut dibincangkan oleh Nathesan (2015). Kajian yang dilakukan tidak terbatas kepada ruang lingkup bentuk sahaja, malah turut merangkumi aspek makna. Menurut Nathesan (2015), kata *bahagia* yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit telah mengalami perubahan makna yang total. Kata *bahagia* yang tercatat dalam *A Malay English Dictionary* mendukung makna *blessing* ‘berkat’ tetapi telah berbeza maknanya yang merujuk kepada ‘suasana senang dan aman, aman damai serta gembira’. Sebenarnya, perubahan makna tidak menggambarkan perubahan secara total seperti yang dinyatakan oleh Nathesan (2015). Hal ini kerana berkat atau keberkatan yang diperoleh akan memberikan kebahagiaan kepada seseorang. Oleh itu, makna baharu yang terbentuk perlu ditelusuri kerana masih lagi dalam lingkungan makna yang sebelumnya walaupun tidak sepenuhnya.

Notosudirjo (1981) telah menyusun dan menyenaraikan perkataan pinjaman Sanskrit dalam bahasa Indonesia. Beliau telah menunjukkan bentuk dan makna asal yang terkandung dalam bahasa asal (bahasa Sanskrit) seperti kata *bayu* merujuk kepada ‘dewa angin dan angin’

(Notosudirjo, 1981). Begitu juga Gonda (1973) yang meneliti bentuk dan makna kata Sanskrit dalam bahasa Indonesia, Jawa, Melayu dan lain-lain. Misalnya, *bidadari* dalam bahasa Indonesia dan Melayu berasal daripada bentuk Sanskrit, iaitu *vidyadhari* yang bermaksud ‘kelas wanita yang berketurunan jin’, manakala dalam kamus Melayu merujuk kepada ‘dewi di syurga atau di kayangan, dan kiasan bagi perempuan yang cantik rupawan’. Makna yang dicatatkan oleh Notosudirjo (1981) dan Gonda (1973) berbeza dengan makna yang difahami oleh masyarakat Melayu pada masa sekarang. Oleh hal yang demikian, perbincangan bagi kata *bayu* dan *bidadari* sekali lagi akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian analisis kajian.

Secara keseluruhannya, pengkajian berkaitan makna perkataan yang menghubungkan aspek agama dan kepercayaan perlu dilakukan bagi melihat bagaimana perubahan makna yang berlaku selepas munculnya Islam di Alam Melayu. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji sebelum ini juga menyentuh kepada aspek makna, namun lebih tertumpu kepada makna perkataan pinjaman Arab, Parsi dan Cina. Begitu juga dengan kajian berkaitan kata pinjaman daripada Sanskrit yang tertumpu kepada aspek perubahan fonologi atau bentuk kata serta perubahan makna selepas sesebuah perkataan masuk ke dalam bahasa Melayu. Berbeza dengan kajian ini yang memperlihatkan bagaimana masyarakat mengubah makna selaras dengan perubahan nilai kepercayaan mereka.

### OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis makna kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit terpilih dalam bahasa Melayu. Penelitian makna dilakukan dengan menghubungkaitkan nilai agama dan kepercayaan masyarakat Melayu sebelum dan selepas kedatangan ajaran Islam. Secara khususnya, persoalan kajian adalah seperti yang berikut:

- (i) Apakah makna asal sesebuah perkataan dalam bahasa Sanskrit dan bahasa Melayu?
- (ii) Adakah berlaku perubahan makna dalam bahasa Melayu bagi setiap perkataan pinjaman daripada bahasa Sanskrit setelah tersebarnya ajaran Islam?

### METODOLOGI DAN DATA KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif dan data kajian dihuraikan secara deskriptif. Pendekatan ini digunakan bagi menghuraikan perubahan makna yang berlaku bagi perkataan terpilih. Penelitian pada kata pinjaman mendorong kajian ini menggunakan kerangka etimologi yang digagaskan oleh Collins (2003). Walaupun pedoman Collins (2003) lebih terarah kepada pengkajian etimologi, namun kaedah yang diperkenalkan tersebut sesuai diaplikasikan kerana penelitian pada kata pinjaman yang tertumpu pada makna merupakan sebahagian daripada pengkajian etimologi. Oleh itu, kajian ini menerapkan dua daripada enam pedoman etimologi yang telah diperkemas agar bersesuaian dengan objektif, iaitu:


- (i) Mempertimbangkan setiap perkataan dari sudut sejarah dan geografi.
- (ii) Setiap unsur kata harus diterangkan: Penjelasan sebahagian kata sahaja tidak meyakinkan.

Peminjaman perkataan Sanskrit dalam bahasa Melayu berlaku menerusi pertembungan bahasa. Pengkajian kepada perubahan makna dalam kajian ini juga berkait rapat dengan pertembungan masyarakat seperti kehadiran masyarakat India ke Kepulauan Melayu suatu ketika



dahulu yang mempengaruhi bahasa Melayu. Hal ini bermaksud pemahaman terhadap sejarah yang meliputi kehidupan dan kepercayaan masyarakat dapat menjelaskan tentang makna perkataan dalam bahasa asal. Pembentukan kata berkaitan aspek kepercayaan dan agama dalam bahasa Sanskrit adalah berdasarkan nilai kepercayaan masyarakat mereka. Oleh itu, tidak hairanlah jika ada perkataan yang dipinjam masuk ke dalam bahasa Melayu memiliki unsur ketuhanan yang berbeza dengan nilai kepercayaan masyarakat Melayu Islam pada hari ini.

Dalam pedoman kedua, analisis kajian ini memberi tumpuan kepada perubahan makna. Perubahan yang dimaksudkan ini merangkumi peluasan dan penyempitan makna. Walaupun wujud elemen lain yang dibincangkan dalam pedoman kedua oleh Collins (2003:21) iaitu meliputi perbandingan antara bahasa, namun kajian seperti ini turut memberi fokus pada semantik perkataan serta bentuk kata yang bersinonim. Seharusnya bentuk kata yang bersinonim yang dipinjam daripada bahasa yang sama juga perlu dikaji seperti kata *angin*, *bayu* dan *pawana* kerana memberi gambaran berkaitan makna pada masa dahulu sama ada wujud perbezaan atau sebaliknya. Ringkasan daripada perbincangan ini dapat ditunjukkan seperti dalam rajah kerangka teoretis kajian yang berikut.



RAJAH 1. Kerangka Teoretis Kajian

Berdasarkan Rajah 1, dua aspek penting yang menjadi pedoman dalam kajian ini, iaitu penelitian dari sudut sejarah dan penjelasan unsur kata yang merangkumi aspek makna. Kerangka kajian ini juga diterapkan dalam kajian Taufiq dan Aniswal (2022b) dalam mengkaji makna perkataan pinjaman terpilih daripada bahasa Parsi. Selain itu, dalam membincangkan aspek perubahan makna yang berlaku, kajian ini juga meneliti kepada bahan atau penulisan pengkaji bahasa seperti catatan makna oleh Notosudirjo (1981), Gonda (1973), Singam (1957) dan pengkaji lain, manakala makna asal sesebuah kata akan ditelusuri menerusi *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*. Penilaian ke atas catatan pengkaji lain penting bagi mendapatkan maklumat makna sesebuah kata yang dikaji. Jika kajian ini hanya tertumpu kepada satu bahan sahaja, maka variasi makna yang wujud sebelumnya dan perbandingan makna pada masa sekarang tidak dapat

dilakukan. Penyempitan dan peluasan yang berlaku juga akan dinilai setelah menghubungkan dengan makna yang tercatat dalam *Kamus Dewan Perdana* (2020).

Sumber utama data kajian ini diperoleh daripada *An Unabridged Malay-English Dictionary* yang dihasilkan oleh Winstedt (1959). Perkataan yang bertanda ‘Skr’ yang merujuk pada kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit dipilih sebagai data kajian. Data dipilih secara rawak dengan mengambil kira perkataan yang difahami oleh pengguna bahasa Melayu pada masa kini. Perkataan ‘arkaik’ seperti *baruna*, *maheswara*, *suraloka* dan *kumara* yang wujud dalam kamus tersebut tidak dipilih untuk dianalisis walaupun berkait dengan kepercayaan. Hal ini bermaksud, kajian ini membataskan kepada penelitian ke atas perkataan yang masih difahami dan digunakan oleh masyarakat umum. Sebanyak tujuh data terpilih akan dianalisis daripada jumlah keseluruhan perkataan Sanskrit dalam bahasa Melayu, iaitu sebanyak 605 perkataan berdasarkan jumlah yang telah dikenal pasti terdapat dalam *An Unabridged Malay-English Dictionary*. Pemilihan tujuh data terpilih dibuat berasaskan makna yang telah dikenal pasti memiliki perkaitan dengan makna asal dalam bahasa Sanskrit.

Pemilihan data ini tertumpu kepada aspek nilai kepercayaan dan agama. Penentuan data yang merangkumi aspek agama dan kepercayaan adalah dibuat berdasarkan penilaian ke atas makna yang tercatat dalam kamus. Berdasarkan data perkataan yang dipilih, kata *bayu*, *dewa*, *bidadari*, *dosa*, *guru*, *indera* dan *suria* dapat dikategorikan dalam bidang unsur alam yang juga membawa konsep kepercayaan berdasarkan maknanya. Kata *guru* diletakkan dalam bidang agama dan kepercayaan kerana jika diteliti beberapa catatan makna menerusi *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit* (seterusnya SDFSS) lebih menjurus kepada nilai agama. Dalam bahagian analisis, beberapa makna yang tercatat dalam SDFSS akan diambil. Selain itu, dalam kajian ini juga akan diteliti tentang perkataan yang bersinonim seperti *bayu* dan *pawana* yang mempunyai kemiripan dari sudut makna dan kedua-duanya juga merupakan bentuk kata yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit. Variasi yang wujud dalam perbendaharaan Melayu ini perlu dikaji sama ada berlaku persamaan atau sebaliknya.

## ANALISIS KAJIAN

Peluasan makna merujuk kepada penambahan komponen makna bagi sesebuah kata (Nathesan, 2015). Contohnya, kata *madu* (kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit) yang pada awalnya merujuk kepada ‘cecair manis yang agak likat dihasilkan oleh lebah, boleh dimakan mentah’ telah mengalami pertambahan makna yang kedua, iaitu merujuk kepada ‘kiasan wanita lain yang menjadi isteri kepada suami sendiri’ (*Kamus Dewan Perdana*, 2020). Selain itu, peluasan makna ini juga dapat dilihat menerusi kata pinjaman Sanskrit *kota* yang pada awalnya merujuk kepada ‘kubu’ (Wilkinson, 1902, hlm. 543), namun mengalami peluasan makna yang juga merujuk kepada ‘bandar raya (bandar besar), bandar’ (*Kamus Dewan Perdana*, 2020, hlm. 1161). Penyempitan makna merujuk kepada fenomena pengurangan makna bagi sesebuah kata (Rahim Aman, 1998; Nathesan, 2015). Contohnya, *khalwat* merupakan sebuah kata pinjaman daripada bahasa Arab merujuk kepada ‘bersendirian atau memencilkan diri di tempat yang sunyi bagi mencari ketenangan (bertafakur) atau beribadat’. Walau bagaimanapun makna ini telah disempitkan, dan masyarakat Melayu yang tidak memahami makna dalam bahasa Arab lebih cenderung untuk memahami makna kedua, iaitu ‘lelaki dan perempuan yang belum berkahwin duduk berdua-duaan di tempat yang sunyi, yakni merujuk kepada istilah ‘tangkap khalwat’. Walaupun makna yang pertama tercatat dalam kamus, namun ada atau berkemungkinan ramai pengguna bahasa yang

hanya memahami makna kedua. Perbincangan diteruskan dengan analisis makna perkataan pinjaman sanskrit terpilih.

### PENELITIAN MAKNA KATA *BAYU* DALAM BAHASA MELAYU

Berdasarkan *An Unabridged Malay-English Dictionary* (AUMED) (1959:33), kata *bayu* atau *vayu* (bentuk bahasa Sanskrit) merupakan sebuah kata pinjaman Sanskrit yang bermaksud ‘angin’. Makna ini sekali lagi perlu dijejak menerusi kamus Melayu terkini. *Kamus Dewan Perdana* (2020:230) mencatatkan kata *bayu* merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud ‘angin yang bertiup perlahan-lahan dan lembut’. Begitu juga dengan Singam (1957, hlm.19) yang mencatatkan kata *bayu* hanya merujuk kepada ‘angin’. Catatan yang dikemukakan oleh Singam (1957) tidak menyeluruh dari sudut bahasa Sanskrit. Berbeza pula dengan Notosudirjo (1981, hlm.37) yang mencatatkan *bayu* bermaksud ‘nama dewa angin, dan juga merujuk kepada; angin’.

Jika kita merujuk pada *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*, kata *vayu* (Devanagari: वायु) bermaksud [1] gas, [2] udara, [3] angin. Penelitian ini menjelaskan bahawa ‘angin’ merupakan makna teras bagi perkataan *bayu* seperti yang tercatat dalam bahasa Melayu. Di samping itu, terdapat makna lain yang merangkumi aspek ketuhanan yang dapat dijejak menerusi SDFSS, iaitu ‘*god of the wind* dan *wind as a kind of demon producing madness*’ yang bermaksud tuhan angin dan angin ialah sejenis syaitan yang menyebabkan kegilaan. Berdasarkan maklumat makna ini, dapat difahami bahawa masyarakat India percaya bahawa angin itu merupakan tuhan (dengan merujuk kepada makna dalam SDFSS), dan apabila perkataan itu masuk ke dalam bahasa Melayu, wujud dua makna seperti yang dicatatkan oleh Notosudirjo (1981), iaitu merujuk kepada ‘dewa’ dan ‘angin’. Maklumat *vayu* yang merujuk kepada aspek ketuhanan dapat diteliti menerusi mantera seperti dalam jadual yang berikut.

JADUAL 1. Kata *Bayu* dalam Mantera Masyarakat Hindu

Transliterasi	Vāyā ukthebhir jarante tvāmacchā jaritārah  Sutasomā ahar vidah  2
Terjemahan	<i>Oh God of the wind (Vāyā), the invocers (jaritārah) (or) knowers (vidah) of the (proper) sacrificial day (ahar), who have extracted the Soma and offered a libation of it (to you) (sutasomāh) 6, address (jarante) you (tvām acchā) 7 by means of recited verses of praise (ukthebhih) 8!   2  </i>
Huraian	Vāyā ← <i>vayu</i> (merujuk kepada tuhan angin); Vāyā - <i>Oh God of the wind</i>

Sumber: Nombor rujukan: Rigveda 1-001

Mantera dalam Jadual 1 merupakan pujian kepada anak dewa *bayu* atau *vayu*. Perkataan *vayu* dapat dilihat dalam tulisan roman. Maklumat ini menjelaskan bahawa kata *bayu* merupakan bentuk pemujaan ‘anak dewa’ mengikut kepercayaan masyarakat Hindu, namun bagi masyarakat Melayu, *bayu* yang sering disebutkan itu tidak seperti makna yang terkandung dalam bacaan mantera. Hal ini menjelaskan bahawa perkataan yang sama merujuk kepada kefahaman makna yang berbeza. Sebenarnya, terdapat perkataan lain yang juga merujuk kepada ‘angin’, iaitu *pawana* (AUMED, 1959, hlm.239) yang bermaksud ‘angin, bayu’. Begitu juga Singam (1957, hlm.68) dan *Kamus Dewan Perdana* (2020, hlm.1636) yang mencatatkan kata *pawana* merujuk kepada ‘angin’ tetapi masyarakat Hindu juga menggunakan *pawana* merujuk kepada ‘the god of wind’.



Pembuktian dari sudut makna ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah meminjam dua bentuk kata pada waktu dahulu tetapi kata *bayu* digunakan untuk merujuk kepada ‘tuhan angin’, manakala *pawana* atau *pavana* pula khusus merujuk kepada ‘angin’. Maklumat berkaitan dua bentuk kata yang dipinjam daripada bahasa yang sama memberi jawapan bahawa kedua-dua bentuk ini sememangnya dapat dikatakan sebagai bentuk yang bersinonim pada masa kini tetapi bukan pada masa dahulu kerana makna dan rujukannya tidak sama.

Berdasarkan analisis ini, didapati kata *bayu* telah mengalami penyempitan makna, iaitu hanya merujuk kepada ‘angin yang bertiup perlahan atau lembut’. Walaupun catatan makna yang dikemukakan oleh Notosudirjo (1981) dan SDFSS itu benar, namun maknanya telah disempitkan selari dengan perubahan agama dan kepercayaan masyarakat Melayu. Catatan makna Notosudirjo (1981) boleh dijadikan bukti berkaitan unsur ketuhanan yang wujud dalam makna bagi kata *bayu*. Memang tidak dinafikan bahawa pegangan masyarakat di Alam Melayu pada abad ke-7 hingga abad ke-13 sebelum ini menganut agama Hindu dengan mengamalkan konsep banyak Tuhan dan berbeza pula dengan Islam yang berkonsepkan kepercayaan kepada Tuhan yang satu (Ayu Nor Azilah, 2016). Banyak tuhan yang dimaksudkan merujuk kepada trimurti yakni kepercayaan terhadap Tuhan Brahma, Vishnu dan Shiva yang dianggap sebagai dewa tertinggi. Pandangan lain juga menyatakan bahawa dewa adalah sebagai manifestasi atau sebagai perantara dengan Tuhan dan kepercayaan mereka adalah monoteisme. Dalam kitab Upaniṣad menjelaskan tuhan itu satu yang disebut Brahma. Berbalik kepada catatan Notosudirjo (1981), berkemungkinan makna yang dicatatkan masih relevan di Indonesia dan tidak berubah pada ketika itu memandangkan kajiannya ditulis dalam bahasa Indonesia. Pada pandangan pengkaji, bagi mengenal pasti makna yang lebih menyeluruh, maka maklumat berkaitan penggunaan kata *bayu* ini perlu diteroka dengan lebih mendalam menerusi karya-karya sastera Melayu lama. Jelaslah, makna *bayu* telah disempitkan kerana kepercayaan masyarakat Melayu telah berubah setelah Islam mulai berkembang di Nusantara dalam lingkungan abad ke-13.

#### PENELITIAN MAKNA KATA *DOSA* DALAM BAHASA MELAYU

Berdasarkan *An Unabridged Malay-English Dictionary* (1959:82) dan Singam (1957:34), kata *dosa* merupakan sebuah kata pinjaman Sanskrit yang membawa makna ‘*dosa*’ atau ‘perbuatan yang melanggar hukum Tuhan’. *Kamus Dewan Perdana* (2020:541) mencatatkan kata *dosa* merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud ‘perbuatan atau kelakuan yang melanggar hukum Tuhan atau agama, seperti berzina, mencuri atau membunuh’, dan makna kedua pula bermaksud ‘perbuatan atau kelakuan yang dianggap menyalahi atau bertentangan dengan adat, pegangan moral dan sebagainya’. Jika dirujuk kepada *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*, kata *dosa* दोष membawa banyak makna, antaranya ialah [1] pelanggaran, [2] memudaratkan, [3] jenayah, [4] kecelaruan, [5] kecacatan, [6] penyakit, [7] rasa bersalah, [8] berdosa, [9] kejahatan, [10] keji dan lain-lain. Jika diteliti kepada makna yang terkandung dalam bahasa Sanskrit, kata *dosa* memiliki makna yang luas. Walau bagaimanapun, berkemungkinan bahasa Melayu hanya meminjam satu makna utama sahaja daripada banyak makna yang wujud dalam bahasa Sanskrit.

Walaupun makna dalam bahasa Melayu hanya merujuk kepada ‘perbuatan yang melanggar hukum Tuhan atau agama’, namun terdapat beberapa makna dalam SDFSS dapat dikaitkan dengan perbuatan dosa yang difahami oleh masyarakat Melayu. Contohnya, makna ‘jenayah, kejahatan dan keji’ memiliki pertalian makna dengan *dosa*. Hal ini dikatakan demikian kerana, segala perbuatan [3] jenayah, [9] kejahatan dan perbuatan [10] keji merangkumi perbuatan yang tidak

baik atau menyalahi hukum atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Berdasarkan perbincangan ini, makna bagi kata *dosa* yang digunakan dalam bahasa Melayu telah menjadi sempit. Penyempitan ini berlaku disebabkan oleh masyarakat Melayu tidak menggunakan atau meminjam secara menyeluruh makna yang terkandung dalam bahasa Sanskrit. Berkemungkinan juga kemasukan perkataan Sanskrit di Nusantara lebih berfokus kepada satu makna sahaja selari dengan penyebaran ajaran Hindu yang menitikberatkan hukum dan kepercayaan masyarakat Hindu. Oleh hal yang demikian, kata *dosa* tersebut digunakan bagi merujuk kepada ‘perbuatan yang melanggar hukum Tuhan’ dan tidak merangkumi ‘kecacatan dan penyakit’.

#### PENELITIAN MAKNA KATA *GURU* DALAM BAHASA MELAYU

*An Unabridged Malay-English Dictionary* (1959:109), Wilkinson (1901), Notosudirjo (1981:66) dan Singam (1957:40) mencatatkan kata *guru* merupakan bentuk kata pinjaman Sanskrit yang bermaksud ‘cikgu, guru atau pengajar’. *Kamus Dewan Perdana* (2020:715) pula mencatatkan *guru* sebagai kata yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit bermaksud ‘orang yang mengajar atau mendidik pelajar secara formal di sekolah; orang yang mengajar atau mendidik tentang sesuatu perkara, bidang dan sebagainya’. Catatan makna dalam kelima-lima kamus tersebut masih merujuk kepada maksud yang sama. Hal ini berbeza pula dengan makna yang terkandung dalam *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit* yang mencatatkan kata *guru* गुरु merujuk kepada [1] guru kerohanian atau *spiritual teacher*, [2] pendeta tuhan, [3] pengarang mantera, [4] besar, [5] hebat dan [6] pengajar. Berdasarkan penelitian kepada makna yang terkandung dalam SDFSS, didapati bahawa makna *guru* lebih luas dengan mengambil kira unsur kerohanian dan ketuhanan yang dianggap sebagai ‘pendeta tuhan’.

Berbeza pula dengan catatan makna selain SDFSS iaitu *guru* merujuk kepada individu yang mengajar dan tidak melibatkan unsur keagamaan. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu mempunyai perkataan khusus yang merujuk kepada guru yang mengajarkan perihal agama, iaitu *ustaz*. Berdasarkan catatan makna dalam *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*, berkemungkinan kedudukan dan tugas guru dipandang mulia, disebabkan itu, wujud makna yang melibatkan aspek ketuhanan dalam bahasa Sanskrit. Penelitian lebih lanjut berkaitan konsep guru dalam agama Hindu boleh dikaji dengan lebih mendalam. Sebenarnya, dalam ajaran Islam juga, guru dianggap orang yang mulia kerana mereka menyebarkan ilmu kepada pelajar. Timbul dua andaian tentang fenomena penyempitan makna ini, iaitu sama ada makna tersebut mengalami proses penyempitan secara beransur-ansur atau masyarakat Melayu hanya meminjam perkataan tersebut berserta makna hanya merujuk kepada ‘orang yang mengajar’ sahaja seperti yang tercatat dalam *Kamus Dewan Perdana* (2020). Walau bagaimanapun, analisis ini mendapati bahawa kata *guru* mengalami penyempitan makna setelah masuk ke dalam bahasa Melayu.

#### PENELITIAN MAKNA KATA *SURIA* DALAM BAHASA MELAYU

Berdasarkan *An Unabridged Malay-English Dictionary* (1959, hlm.317), *Kamus Dewan Perdana* (2020, hlm.2185), Singam (1957, hlm.91) dan Surada (2007, hlm.300), kata *suria* atau *surya* (bentuk bahasa Sanskrit) merupakan sebuah kata pinjaman Sanskrit bermaksud ‘matahari’. Namun begitu, jika dirujuk kepada *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*, terdapat maklumat makna yang lebih luas, iaitu *suria* bukan hanya merujuk kepada ‘matahari’ sahaja tetapi bermaksud [1] *it's deity* (dewa), [2] *wife (isteri) of surya or the sun*, [3] *daughter (anak perempuan) of surya or the sun* dan kata *saurya* सौर्य merujuk kepada *son of the sun*. Maklumat makna ini jelas menunjukkan bahawa ‘isteri’ dan ‘anak perempuan’ mempunyai hubungan dengan kepercayaan

masyarakat. Aspek ketuhanan ini dapat dilihat menerusi bacaan mantera oleh Sami Hindu yang menyebut perkataan *surya* semasa upacara. Perkataan *surya* atau bentuk ejaannya *suryam* dalam mantera sebenarnya membawa makna yang sama, iaitu merujuk kepada dewa matahari. Sebutan kata *suria* dalam bacaan mantera masyarakat Hindu dapat diperlihatkan seperti dalam jadual yang berikut.

JADUAL 2. Kata *Suria* dalam Mantera Masyarakat Hindu

Bentuk bacaan dalam bahasa Sanskrit	उद् उ त् यं जातवेदसं देवं वहन्ति केतवः । दृशे विश्वाय सूर्यम् ॥
Transliterasi	Ud u tyam jātavedasam devam vahanti ketavaḥ   dṛśe viśvāya sūryam
Huraian	surya ← sūryam (kata sūryam juga merujuk kepada suria yang merujuk kepada tuhan matahari)

Sumber: Nombor rujukan: Rigveda 01.050.01

Berdasarkan perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa kata *suria* telah mengalami penyempitan makna. Hal ini selari dengan kepercayaan masyarakat Melayu yang mempercayai bahawa matahari bukanlah tuhan seperti yang difahami oleh masyarakat Hindu yang mempercayai angin, matahari dan alam sekitar sebagai tuhan yang perlu disembah. Festival keagamaan Chhath Puja salah satu perayaan purba yang disambut oleh masyarakat Hindu di kawasan Utara India bertujuan mengungkapkan rasa syukur terhadap dewa matahari atau surya dan adiknya Chhathi Maiya dengan menyajikan hasil bumi seperti makanan dan minuman. Penyebaran kepercayaan terhadap dewa ini menyebabkan kata *suria* masuk ke dalam bahasa Melayu menerusi peminjaman daripada bahasa Sanskrit.

Kata *suria* dalam bahasa Melayu digunakan untuk merujuk kepada ‘matahari’ dan sistem suria yang lain. Dalam hal ini, wujud dua bentuk kata pinjaman, iaitu kata *suria* dan *matahari* yang bermaksud ‘bintang yang menjadi pusat peredaran planet dalam cakera suria dan darinya planet-planet lain seperti bumi mendapat cahaya dan haba’. Seperti perbincangan dalam bahagian analisis kata *bayu*, perkataan *suria* dan *matahari* belum menjadi bentuk yang bersinonim pada masa dahulu. Perubahan ini terjadi selepas makna kata *suria* menjadi sempit. Aspek perubahan makna yang mengambil unsur alam tidak hanya terjadi pada perkataan *bayu* [angin] dan *suria* [matahari] sahaja tetapi turut berlaku pada kata *pawaka* yang bermaksud ‘api’ dan ‘tuhan api’ serta *waruna* (AUMED, 1957:357) bermaksud ‘tuhan Hindu laut’ yang selari dengan kepercayaan masyarakat Hindu tentang kewujudan dewa dalam bentuk yang pelbagai. Fenomena ini menggambarkan bahawa unsur-unsur alam yang dianggap sebagai tuhan sama sekali bercanggah dengan ajaran Islam. Percanggahan dari sudut agama dan kepercayaan ini tidak menyebabkan perubahan pada perkataan tetapi hanya dikesilkan atau disempitkan makna seperti yang digunakan dalam bahasa pada masa sekarang.

#### PENELITIAN MAKNA KATA DEWA DALAM BAHASA MELAYU

Kata *dewa* dalam *An Unabridged Malay-English Dictionary* (1959, hlm.80) merujuk kepada ‘tuhan Hindu’. *Kamus Dewan Perdana* (2020, hlm.522) mencatatkan kata *dewa* merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud ‘sesuatu yang dipuja kerana dianggap mempunyai kuasa tahap alam dan manusia’, dan makna kedua pula ialah ‘watak dalam cerita

dongeng atau hikayat yang dikatakan mempunyai kuasa luar biasa yang tinggal di kayangan dan dikatakan bahawa raja-raja berasal daripada keturunan ini'. Singam (1957:33) mencatatkan kata *deva* (bahasa Sanskrit) atau *dewa* (bahasa Melayu) merujuk kepada *a god*. Berdasarkan maklumat makna yang tercatat dalam *An Unabridged Malay-English Dictionary* (1959), *Kamus Dewan Perdana* (2020) dan Singam (1957), dapat disimpulkan bahawa kata *dewa* membawa unsur kepercayaan dan berkait rapat dengan unsur ketuhanan. Dalam SDFSS, kata *deva* देव merujuk kepada 'tuhan' namun dalam bahasa Melayu, makna dan rujukan kata *dewa* telah bertambah, iaitu merujuk kepada [2] watak dalam cerita dongeng atau hikayat yang dikatakan mempunyai kuasa luar biasa yang tinggal di kayangan. Hal ini menjelaskan kata *dewa* merujuk kepada watak dalam cerita dongeng, dan ini berbeza dengan kepercayaan masyarakat Hindu dan Buddha berkaitan rujukan 'dewa' tersebut yang bukanlah sebuah dongengan. Analisis ini mendapati kata *dewa* dalam bahasa Melayu telah mengalami peluasan makna. Kata *dewa* sebenarnya khusus digunakan untuk merujuk kepada tuhan atau perantara seperti yang dipercayai oleh masyarakat Hindu, manakala masyarakat Melayu pula menggunakan perkataan Allah bagi merujuk kepada Tuhan yang Esa.

#### PENELITIAN MAKNA KATA *BIDADARI* DALAM BAHASA MELAYU

Berdasarkan *An Unabridged Malay-English Dictionary* (1959, hlm.45), kata *bidadari* bermaksud 'perempuan syurga (muslim)'. Berdasarkan *Kamus Dewan Perdana* (2020, hlm.287) mencatatkan kata *bidadari* merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud [1] dewi di syurga atau di kayangan, [2] perempuan yang cantik rupawan. Seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian sorotan literatur, Gonda (1973) mencatatkan bahawa kata *bidadari* yang merupakan sebuah kata pinjaman Sanskrit bermaksud 'kelas wanita yang berketurunan jin'. Oleh hal yang demikian, timbul satu persoalan penting yang perlu dibincangkan, iaitu, adakah *bidadari* merupakan keturunan Jin? Sebenarnya, makna yang dicatatkan oleh Gonda (1973) adalah bercanggah dari sudut Islam. Berkemungkinan maksud tersebut berdasarkan kepercayaan masyarakat India, namun, bagi masyarakat Islam, terdapat dalil-dalil yang dinyatakan oleh para ulama bahawa *bidadari* dicipta daripada zafaran (Penelitian berkaitan ini perlu difahami dari sudut agama Islam dengan lebih mendalam).

Berdasarkan catatan Notosudirjo (1981, hlm.44), kata *bidadari* merupakan sebuah kata pinjaman Sanskrit, iaitu *vidyadhari* yang bermaksud 'yang membawa pengetahuan'. Menurut Notosudirjo (1981), kata *vidyadhari* merupakan gabungan dua bentuk kata, iaitu 'vidya' [bahasa Sanskrit] yang bermaksud 'pengetahuan' + 'dhari' [bahasa Sanskrit] bermaksud 'yang membawa'. Kata *dhari* juga merujuk kepada 'perempuan', manakala *dhara* pula merujuk kepada 'lelaki'. Selain itu, Singam (1957, hlm.22) juga mencatatkan kata *vidadhari* merujuk kepada 'kupu-kupu' / 'a nymph'. Berdasarkan penelitian ini, dapat disimpulkan bahawa kata *bidadari* yang digunakan dalam bahasa Melayu mengalami peluasan makna, iaitu maknanya diangkat atau memiliki nilai yang tinggi bagi merujuk kepada 'dewi atau makhluk yang berada di syurga atau di kayangan'.

#### PENELITIAN MAKNA KATA *INDERA* DALAM BAHASA MELAYU

Jika diteliti dalam *An Unabridged Malay-English Dictionary* (1959, hlm.120), kata *indera* merujuk kepada 'dewa yang memerintah'. Singam (1957, hlm.42) pula hanya mencatatkan *indera* merujuk kepada '*indra*' tanpa menjelaskan makna secara terperinci. Berdasarkan SDFSS, terdapat banyak makna bagi kata *indra* इंद्र, antaranya ialah [1] tuhan langit dan atmosfera, [2] ketua, [3] pertama, [4] putera. Perkataan *indera* yang merujuk sebagai tuhan dapat diperlihatkan dalam jadual mantera seperti yang berikut.

JADUAL 3. Kata *Indera* dalam Mantera Masyarakat Hindu

Bentuk bacaan dalam bahasa Sanskrit	इन्द्रवायू इमे सुता उप प्रयोभिर् आ गतम् । इन्द्रवो वाम् उशन्ति हि ॥
Transliterasi	<b>Indrāvāyū</b> ime sūtā upa prayōbhīr ā gātam  Indāvō vām uśanti hi  4
Terjemahan	<i>Oh Indra and Vāyu</i> (indravāyū), <i>come</i> (ā gatam) <i>with dainties</i> (prayobhiḥ) <sup>13</sup> <i>near</i> (upa) <i>these two</i> (ime) <i>libations of Soma</i> (sutau)! <i>Verily</i> (hi), <i>the drops of Soma</i> (indavaḥ) <i>long for</i> (uśanti) <sup>14</sup> <i>you both</i> (vām)!   4
Huraian	Kata Indra digunakan ketika membaca mantera merujuk kepada ‘tuhan Indra’. Mantera tersebut menyebutkan kata Indra atau Indera membawa rujukan yang sama tetapi berbeza dari segi bentuk kata.

Sumber: Nombor rujukan: Rigveda 1-001

Kata *indera* seperti yang tercatat dalam *Kamus Dewan Perdana* (2020, hlm.823) merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit, iaitu daripada bentuk *inderaloka* yang bermaksud [1] gelaran orang besar-besar negeri, [2] klasik dewa yang memerintah kayangan menurut kepercayaan Hindu; betara Indera, [3] klasik panggilan kepada dewa-dewa kayangan yang kurang tinggi martabatnya, [4] raja atau kerajaan sesuatu negeri. Maklumat makna yang tercatat dalam *Kamus Dewan Perdana* (2020) jelas menunjukkan bahawa kata *indera* ini digunakan bagi merujuk kepada unsur ketuhanan dan merupakan dewa hujan, perang dan raja syurga. Namun begitu, selaras dengan kepercayaan berteraskan nilai Islam, kata *indera* yang difahami dan digunakan oleh orang Melayu adalah merujuk kepada ‘gelaran orang besar-besar negeri’ dan ‘raja atau kerajaan sesuatu negeri’. Hal ini menunjukkan bahawa setelah kedatangan Islam, makna bagi kata *indera* telah disempitkan dan tidak lagi digunakan bagi merujuk kepada dewa atau tuhan Hindu seperti makna yang dicatatkan dalam AUMED(1959), Singam (1957) dan SDFSS. Namun begitu, kami juga tidak menolak bahawa berkemungkinan juga ada masyarakat Melayu yang masih memahami bahawa maksud *indera* berkait rapat dengan nilai kepercayaan masyarakat India. Sekali lagi maksud kata *indera* dapat dijejak menerusi *Kamus Dewan Perdana* (2020:823) yang bermaksud ‘deria atau alat perasa’. Maksud kedua ini lebih sinonim dalam kalangan pengguna bahasa Melayu berbanding makna pertama yang dikatakan daripada bentuk *inderaloka*. Walau bagaimanapun, kata *indera* ini juga telah melalui proses penggabungan kata antara ‘panca’ [bahasa Sanskrit] + ‘indera’ [bahasa Sanskrit] membentuk kata *pancaindera*.

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, terdapat empat perkataan pinjaman daripada bahasa Sanskrit yang dikenal pasti mengalami penyempitan makna dalam bahasa Melayu. Antara perkataan tersebut ialah *bayu*, *dosa*, *guru* dan *suria*, manakala peluasan makna berlaku pada perkataan *dewa*, *bidadari* dan *indera*. Aspek penyempitan makna ini dapat dilihat pada beberapa perkataan yang dalam bahasa asalnya menjurus kepada aspek kepercayaan dalam bahasa Sanskrit seperti kata *bayu*, *guru* dan *suria* yang telah mengalami penyempitan setelah masuk ke dalam bahasa Melayu tanpa melibatkan aspek ketuhanan. Berbeza dengan kata *dosa* yang mengalami penyempitan makna yang hanya merujuk kepada ‘kelakuan yang melanggar hukum Tuhan’. Peluasan makna yang berlaku pada kata *dewa*, *bidadari* dan *indera* masih melibatkan aspek kepercayaan dan agama. Analisis ini juga



mendapati bahawa perubahan makna bagi sesebuah perkataan Sanskrit berlaku setelah masyarakat Melayu menerima pengaruh agama Islam. Dengan kata lain perubahan agama dan konsep kepercayaan menyebabkan makna perkataan juga turut berubah tetapi bentuk kata masih kekal atau mengalami sedikit perubahan.

Kedatangan Islam dan kebangkitan kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-13 telah membawa masuk banyak kosa kata Arab ke dalam bahasa Melayu (Zaharani, 2011). Hal ini menyebabkan pengaruh dari India perlahan-lahan pudar dan mula digantikan dengan pengaruh Islam yang dibawa oleh bangsa Arab dan Parsi. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa penyebaran agama Islam bukan sahaja menyumbang kepada kemasukan perbendaharaan perkataan Arab dan Parsi tetapi turut mempengaruhi aspek makna perkataan kata pinjaman Sanskrit sedia ada. Hal ini dapat dilihat pada makna asal sesebuah kata yang dibincangkan merangkumi nilai agama Hindu dan Buddha lalu berubah kepada makna seperti yang digunakan dan difahami oleh masyarakat Melayu pada masa sekarang. Menurut Mohd Zahirwan et al. (2014), kedatangan Islam ke Alam Melayu mendatangkan kesan yang positif dalam kehidupan masyarakatnya. Perkembangan ilmu, pendidikan dan intelektual telah melahirkan ramai ulama yang sekali gus mengubah corak pemikiran dan kepercayaan masyarakat Melayu yang disesuaikan dengan ajaran Islam. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penyempitan makna yang berlaku kerana perlu disesuaikan dengan pemahaman masyarakat dan nilai Islam.

Perubahan makna yang berlaku bagi setiap kata yang dikaji terjadi secara perlahan-lahan mengikut peredaran masa dan zaman. Pengkaji juga berpandangan bahawa masyarakat Melayu tidak sesekali meminjam sesebuah perkataan tanpa mengetahui dan memahami makna sebenar sesebuah perkataan. Hal ini bukan hanya berlaku dalam masyarakat Melayu sahaja, malah masyarakat atau bangsa lain yang meminjam perkataan daripada bahasa yang lain juga melakukan hal seperti ini. Di samping itu, tidak akan berlaku perubahan total pada makna sesebuah kata, sekiranya berlaku, makna yang terbentuk hanyalah berbentuk kiasan semata-mata. Jika dikategorikan sebagai perubahan total pada sesebuah makna seperti kata *bahagia* yang dinyatakan oleh Nathesan (2015), maka pengkajian makna perlu dilaksanakan kerana pada pandangan pengkaji, makna baharu yang terbentuk daripada kata *bahagia* masih berhubung dan memiliki pekaitan komponen makna.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian berkaitan kata pinjaman Sanskrit perlu dijalankan kerana bahasa Sanskrit merupakan antara bahasa yang pertama yang menyumbang kepada pertambahan kosa kata Melayu. Tambahan pula, peminjaman kosa kata Sanskrit adalah pelbagai dan sarat dengan maklumat budaya dan kepercayaan. Pengkajian berkaitan peminjaman kata ini tidak terhad pada bahasa Sanskrit sahaja, malah pengkaji seterusnya dicadangkan untuk meneliti kata pinjaman daripada rumpun bahasa lain yang terserap ke dalam bahasa Melayu atau boleh dipanjangkan lagi perbincangan berkaitan data yang telah dipilih dalam kajian ini. Hal ini kerana kajian ini adalah pada peringkat awal dan rujukan yang digunakan masih terhad. Penelitian terhadap makna amat penting kerana menerusinya kita dapat melihat sama ada peredaran waktu atau zaman telah mengubah makna perkataan atau sebaliknya. Pengkajian ke atas manuskrip juga boleh dilakukan bagi melihat makna dengan lebih mendalam. Oleh itu, kajian ini mencadangkan kepada pengkaji seterusnya untuk mencungkil makna dengan memahami konteks menerusi hikayat Melayu lama yang terdapat dalam *Malay Concordance Project*.

Kajian ini merupakan sebahagian daripada etimologi yang pengkajiannya lebih luas. Selain meneliti bentuk kata, kajian etimologi juga memerlukan penelitian kepada perubahan makna (Collins, 2003). Dapat dikatakan bahawa pengkajian terhadap makna sesebuah perkataan merupakan salah satu elemen penting dalam mendalami ilmu etimologi. Pemahaman terhadap makna membolehkan pengecaman asal usul perkataan dapat dibuat berdasarkan bentuk kata yang telah dikenal pasti yang memiliki persamaan atau kemiripan. Bynon (1977) menyatakan bahawa etimologi sebagai usaha menyusun sejarah bentuk dan makna kata. Menurut Bynon (1977) lagi, sejarah dan semantik perkataan perlu dijejak sepanjang edaran masa sehingga mencapai akar atau bahasa sumber pinjaman sekiranya kata yang dikaji itu adalah kata pinjaman. Jelaslah, kajian ke atas makna dapat memberi jawapan dan informasi tentang perubahan yang berlaku pada sesebuah perkataan pinjaman dalam bahasa Melayu.

## RUJUKAN

- Anida Sarudin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Peluasan Makna Wakaf: Analisis Berdasarkan Proses dan Prinsip Kognitif. *Mahawangsa*, 2(2), 9 – 30.
- Ayu Nor Azilah binti Mohamad. (2016). “Kepercayaan kepada Tuhan”: Satu Sorotan dalam Kepelbagaian Agama di Malaysia. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*, 2016, 124-136.
- Bynon, T. (1977). *Historical Linguistics*. Cambridge: Oxford University Press.
- Campbell, L. (2004). *Historical Linguistics: An introduction*. (ed.) ke-2. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Collins, J. T. (2003). *Mukadimah Ilmu Etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Deshpande, M. M. (2007). *SAMSKRTASUBODHINĪ. A Sanskrit Primer*. Centers for South and Southeast Asian Studies. University of Michigan.
- Gonda, J. (1973). *Sanskrit in Indonesia*. New Delhi: International Academy of Indian Culture.
- Heah, C. L. H. (1989). *The Influence of English on The Lexical Expansion of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. (1992). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johnson, S. (1998). *Exploring the German Language*. London: Arnold.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Klaus, G. L. (2021). *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*. Diakses pada 4 Februari 2021, dari <https://www.learnsanskrit.cc/>
- Kuizon, G. J. (1964). The Sanskrit Loan-Words in the Cebuano-Bisayan Language. *Asian Folklore Studies*, 23(1). <http://nanzanu.ac.jp/SHUBUNKEN/publications/afs/pdf/a150.pdf>
- McMahon, A. M. S. (1994) *Understanding Language Change*. New York: Cambridge University Press.
- Mohd Nor Azan Abdullah & Mohd Yusof Abdullah. (2017). Keluarga Bahasa Indo-Malaysia dan Pengaruh Bahasa Sanskrit dalam Memperkayakan Perbendaharaan Kosa Kata Bahasa Melayu. *Jurnal Kesidang*, 2(1), 77-95.

- Mohamad NorTaufiq NorHashim. (2022). *Kajian Asal Usul dan Makna Perkataan Terpilih Bahasa Melayu daripada Bahasa Sanskrit dan Parsi*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Nor Taufiq Nor Hashim & Aniswal Abd. Ghani. (2022a). Etimologi Kata Pinjaman Sanskrit Terpilih dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu-JOMAS*, 33(1), 69-86.
- Mohamad Nor Taufiq Nor Hashim & Aniswal Abd. Ghani. (2022b). Pertembungan Bahasa antara Bahasa Parsi dan Bahasa Melayu: Penelitian dari Sudut Perubahan Makna Perkataan. *PENDETA*, 13(2), 1-12.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin Muhammad Yusri Yusof @ Salleh Paiz Hassan Hamdi Rahman Mohd Yaacob Shahril Nizam Zulkibli Ab. Munir Md. Noh. (2014). Pengaruh Islam dalam Perkembangan Intelektual di Alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 25, 102-116.
- Mohd Hazri Zakaria, Che Radiah Mezah, Muhd Zulkifli Ismail. (2017). Penggunaan Kata Pinjaman Arab dalam Puisi Melayu. *Jurnal Kemanusiaan*, 15, 1-S (2017) 69–74.
- Muhammad Firdaus Mohd Sah & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2021). Strategi Adaptasi Kata Pinjaman dalam Bahasa Bugis: Koresponden-OO. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(3), 52-77.
- Nathesan, S. (2015). *Etimologi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Hassan. (1984). Art, Archaeology and the Early Kingdoms in the Malay Peninsula and Sumatra: c 400-1400 A.D. Tesis PhD. University of London.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin & Zaharani Ahmad. (2012). Peluasan Makna Alim: Analisis Semantik Kognitif. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2), 457-473.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Rozaimah Rashidin. (2008). Rasuah dalam Karya Sastra Melayu Klasik: Satu Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal e-Bangi*, 3(3), 1-32.
- Noriah Mohamed. (1999). *Sejarah Sociolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed & Selvarani A/p Subramaniam. (2015). *Kata Pinjaman Bahasa Tamil dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Notosudirjo. (1981). *Etimologi. Pengetahuan Bahasa Indonesia*. Mutiara Jakarta.
- Rahim Aman. (1998). Orang Melayu Abad ke-17: Kajian Lanjutan Kosa Kata Arkaik, Morfologi, dan Perubahan Makna Kamus Bowrey. *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Singam, D. R. (1957). *What the Malay Language Owes to Sanskrit*. Kuantan.
- Soo Yew Phong. (2015). Perubahan Leksis Kata Pinjaman Cina dalam Bahasa Melayu. *ICOMHA2015 eproceedings*.
- Surada, I, M. (2007). *Kamus Sanskerta-Indonesia*. Surabaya: Paramita.
- Weinreich, U. (1979). *Languages in contact: findings and problems*. London: Mouton Publishers.
- Wilkinson, R. J. (1901). *A Malay-English Dictionary*. Kuala Lumpur: FMS Government Press.
- Wilkinson, R. J. (1902). *A Malay-English Dictionary*. Kuala Lumpur: FMS Government Press.
- Winstedt, R. O. (1959). *An Unabridged Malay-English Dictionary*. Singapore-Kuala Lumpur. Marican & Sons.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. (2011). Pemerkaasaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing. *Jurnal Melayu*, 6(1), 13-27.

## **PENULIS**

Mohamad NorTaufiq Nor Hashim (Ph.D) merupakan pensyarah bahasa Melayu di Yunnan University, China. Bidang kajian beliau adalah berkaitan etimologi bahasa Melayu dan belijuga turut mengkaji bidang semantik.

Aniswal Abdul Ghani (Ph.D) merupakan mantan Pensyarah Kanan di bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Dr. Aniswal mengkhusus dalam bidang semantik, linguistik korpus dan sejarah bahasa Melayu.